



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2, NO. 51 PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 5555  
Fax : 03-8891 5557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : /www.kpkt.gov.my  
E-mail : pro@kpkt.gov.my

Fail: ( ) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.36

Tarikh: 19 September 2011

## SIARAN MEDIA

### PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG LESTARI MELALUI PENSWASTAAN DAN PENGUATKUASAAN AKTA 672

**PUTRAJAYA, 19 September 2011** - Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Dato' Muhyiddin Bin Mohd Yasin telah menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam pada petang ini.

Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi ini ialah di antara syarikat-syarikat konsesi bagi penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam iaitu Alam Flora Sdn. Bhd. (WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan), SWM Environment Sdn. Bhd. (Johor, Melaka & Negeri Sembilan) dan Environment Idaman Sdn. Bhd. (Kedah & Perlis) dengan Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh KPKT dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).

Selain itu, Majlis pada petang ini juga menyaksikan penyerahan Perjanjian Tripartite oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang telah diadakan pada sebelah paginya.

Dengan termeterainya Perjanjian Konsesi pada hari ini, syarikat-syarikat konsesi akan menerima bayaran perkhidmatan yang setimpal dengan mutu perkhidmatan yang diberikan. Pemberian tong sisa pepejal beroda dan berpenutup dengan kapasiti 120 liter akan diberi secara percuma kepada rumah-rumah kediaman (landed premis).

Di samping itu, pendekatan kutipan 2+1 iaitu kutipan sisa dapur sebanyak 2 kali dan kutipan sisa pukal, sisa kebun dan barangan kitar semula sekali seminggu akan diperkenalkan. Melalui pendekatan ini dijangka dapat mengurangkan kejadian pelupusan haram atau *illegal dumping*.

Dengan termeterainya Perjanjian Konsesi bagi tempoh 22 tahun ini juga, maka berakhirilah episod suka duka syarikat konsesi dalam mengharungi tempoh interim selama hampir 14 tahun. Namun dalam tempoh 22 tahun mendatang, merupakan tempoh yang mencabar kepada syarikat-syarikat konsesi ini untuk mematuhi KPI-KPI (key performance indicator) yang ketat (stringent) di samping penalti yang tinggi seperti yang terkandung di dalam Perjanjian Konsesi.

Hal ini adalah kerana pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam pada masa kini telah menjadi semakin kompleks. Kajian menunjukkan bahawa kuantiti sisa pepejal semakin meningkat setiap hari. Dalam tahun 2005, kuantiti sisa pepejal yang dihasilkan oleh penduduk Malaysia adalah 19,000 tan sehari. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) telah menganggarkan bahawa pada tahun 2020, jumlah sisa pepejal akan mencecah hampir 30,000 tan sehari. Namun demikian, beberapa penemuan terkini menunjukkan bahawa jumlah sampah serta bahan buangan telah pun mencecah hampir 27,000 tan sehari. Ini bermakna jangkaan bahawa jumlah sisa pepejal sebanyak 30,000 tan sehari akan dicapai lebih awal lagi sebelum tahun 2020.

Penswastan dan penguatkuasaan Akta 672 ini akan menjadikan pengurusan sisa pepejal lebih berkesan dan cekap bagi memastikan negeri-negeri di seluruh Semenanjung mempunyai alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan melindungi kesihatan awam.

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon :03-8891 5555 Faks: 03-8891 5557 E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)

### **Maklumat tambahan mengenai penguatkuasaan Akta 672**

- Dua agensi telah ditubuhkan oleh Kerajaan iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) untuk melaksanakan tugas menguruskan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.
- Memberi penekanan kepada aspek pengurusan sisa pepejal bermula dari penjanaan, kutipan, pengangkutan, rawatan dan akhirnya pelupusan.
- Mengandungi peruntukan khusus untuk menggalakkan amalan 3R iaitu reduce, reuse dan recycle sebagai *new source of wealth* dan seterusnya dapat membantu Kerajaan meningkatkan sumber-sumber yang dapat menjana pendapatan dan kekayaan ekonomi melalui usaha-usaha inovatif khususnya dari bahan-bahan buangan.
- Membolehkan kerajaan mengarahkan pengasingan sisa dipunca (separation at source) dilaksanakan. Namun demikian, pelaksanaan pengasingan sisa dipunca hanya akan dilaksanakan setelah program pendidikan dan kesedaran awam mengenainya dijalankan secara meluas.
- Kerajaan juga akan memperkenalkan sistem terimaan balik (take back system) dan sistem bayar balik deposit (deposit refund system) yang akan dikenakan kepada syarikat-syarikat pengeluar/pembuat barangan supaya barangan yang dijual seperti peralatan elektrik (tv, mesin basuh dll) boleh dikembalikan kepada pihak pengeluar apabila rosak.

### **Maklumat tambahan mengenai kandungan tripartite agreement**

- Menyatakan secara jelas peranan dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan pengambilalihan fungsi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh Kerajaan Persekutuan berjalan lancar dan seterusnya menjayakan program penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Pada 1 September 2011 lalu, telah diputuskan sebagai tarikh Penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) telah dimulakan di negeri-negeri Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis dan WP Kuala Lumpur serta Putrajaya. Serentak dengan penguatkuasaan Akta 672 di negeri-negeri tersebut, maka penswastaaan penuh pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akhirnya menjadi kenyataan, iaitu setelah hampir 14 tahun berada dalam tempoh interim.

---